



KUMPULAN PERTAMA: Saffree (duduk tiga kiri), Syed Sharizman (duduk dua kiri) dan Freddie (duduk kiri) merakamkan gambar bersama kumpulan pelajar pertama Program Doktor Kesihatan Awam pada 2019.

UB 31.12.2021 P.02

Program DrPH UMS bantu lahir pakar tempatan

KOTA KINABALU: Program Doktor Kesihatan Awam (DrPH) yang diperkenalkan di bawah Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mampu membantu melahirkan pakar perubatan kesihatan awam dalam kalangan rakyat tempatan khususnya di Sabah.

Dekan FPSK Prof. Dr. Mohammad Saffree Jefree dalam satu kenyataan berkata, program pasca-siswazah di bawah Jabatan Perubatan Kesihatan Awam menjurus kepada menghasilkan pemimpin kesihatan awam.

Katanya, ia melibatkan kepakaran untuk menilai dan membangunkan intervensi menangani masalah kesihatan bagi keseluruhan populasi di Sabah khususnya dan di Malaysia secara amnya.

“Program DrPH UMS yang berada di tahap lapan

mengikut Kerangka Kelayakan MQF) menerima pendaftaran pertama pelajar seramai tujuh orang yang bermula pada September 2018.

“Mereka ini adalah antara pelajar terbaik lulusan Sarjana Kesihatan Awam (MPH) UMS, dan kebanyakan pelajar dalam program ini adalah pegawai perubatan yang mendapat tajaan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk mengikuti bidang kepakaran perubatan kesihatan awam,” katanya.

Menurutnya, selain dapat memenuhi keperluan pakar perubatan kesihatan awam, DrPH juga mampu melahirkan pakar dalam kalangan rakyat tempatan Sabah.

Dalam pada itu, salah seorang pelajar DrPH Dr Narinderjeet Kaur menyokong inisiatif UMS dalam membangunkan

program pascasiswazah yang memberi manfaat bukan sahaja kepada doktor-doktor perubatan malah juga kepada masyarakat.

“Kami amat berterima kasih dan berbesar hati kerana berpeluang menyertai program ini.

“Dengan pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh, kami berazam untuk mengukuhkan perkhidmatan kesihatan awam terutamanya di negeri Sabah,” katanya.

Program DrPH berjalan selama tiga tahun atau enam semester sepenuh masa.

Penyelaras bagi program ini adalah Prof. Madya Dr. Freddie Robinson dari Jabatan Perubatan Kesihatan Awam FPSK, manakala Prof. Madya Dr. Syed Sharizman Syed Abdul Rahim mengetuai Jabatan Perubatan Kesihatan Awam FPSK.